



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN  
TIMBALAN AKAUNTAN  
NEGARA (KORPORAT )  
  
SEMPENA MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG  
TAHUN 2009  
PADA 06 JULAI 2010**

**Bismillahirrahmanirohim**

**Terima Kasih**

**Saudara/saudari Pengacara Majlis,**

**Yang Berhormat Senator Dato' Ir Donald Lim**

**Siang Chai**

**Timbalan Menteri Kewangan I ,**

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Salleh bin**

**Mahmud**

**Akauntan Negara Malaysia,**

**Timbalan Akauntan Negara Operasi,**

**Pengarah-Pengarah Bahagian,**

**Pegawai Kanan serta,**

**hadirin yang dihormati sekalian.**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia.**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
2. Terlebih dahulu, Saya bagi pihak Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud, Akauntan Negara Malaysia, dan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai, Timbalan Menteri Kewangan I kerana sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama kita, bagi menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
3. Penganugerahan ini dibuat setiap tahun sebagai satu tanda pengiktirafan Jabatan dan Kerajaan terhadap prestasi kerja yang cemerlang yang telah disumbangkan oleh warga jabatan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada yang telah terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009. Penerima anugerah, akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah prestasi sebanyak Satu Ribu Ringgit dan insentif untuk kemajuan kerjaya. Justeru, besarlah harapan Jabatan agar anugerah ini akan menjadi pembakar semangat dan suntikan motivasi untuk mempertingkatkan lagi usaha, prestasi kerja dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Y.B Dato', dan hadirin yang dihormati,

4. Seramai 156 warga Jabatan Akauntan Negara telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009. Panel Pembangunan Sumber Manusia Jabatan, mendapati ramai yang layak namun hanya yang terbaik dipilih. Bagi mereka yang tidak terpilih, tingkatkan lagi kreativiti, produktiviti dan muhasabah diri untuk memperbaiki kelemahan. Kita haruslah sentiasa bersikap positif, bertanggungjawab, menunjukkan komitmen yang tinggi dan ikhlas bekerja, tanpa mengharapkan pengiktirafan. Keikhlasan bekerja merupakan satu ibadah dan perlu dihayati, agar melahirkan keseronokan bekerja di kalangan warga JANM.

5. Untuk 'benchmarking' prestasi JANM, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyediakan Laporan penilaian pencapaian Petunjuk Prestasi Utama atau KPI bagi Akauntan Negara telah dimulai sejak tahun 2008. Pengukuran ini dibuat berdasarkan dimensi seperti Daya Saing Negara, Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Tadbir Urus dan Akauntabiliti, serta Kepimpinan Transformasi Perkhidmatan Awam. Keputusan penilaian Laporan KPI Akauntan Negara bagi Tahun 2009 adalah pada tahap ( **Exceed Target** ) **88.00%** berbanding laporan tahun 2008 pada tahap ( *On Target* ) dengan markah 71.80%, iaitu suatu peningkatan yang membanggakan sebanyak 22.56%. Tahniah dan syabas

diucapkan kepada kepimpinan Y.Bhg. Dato' ANM Adalah diharapkan pencapaian KPI untuk tahun 2010 ini, akan terus meningkat sehingga mencapai tahap tertinggi iaitu ( *Significantly Exceed Target* ).

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Untuk menyahut saranan kepimpinan YAB PM yang menekankan gagasan atau konsep *1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*, kita perlu terus memberi penekanan kepada usaha meningkatkan sistem penyampaian awam, melalui konsep **customer centric dan “membudayakan”** kreativiti dan inovasi, pautan membuat keputusan serta pautan bertindak, Value For Money dan nilai Integriti.

7. Saya percaya semua anggota kerja JANM akan terus mempertingkatkan tahap kecemerlangan dengan penuh komitmen dan integriti, agar sejajar dengan *tagline* Jabatan iaitu “*Excellent Accounting @ Your Service*”.
8. Akhir kata, kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009 ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas, di atas pencapaian prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan.
9. Saya juga mengambil kesempatan di sini, merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Y.B Senator Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai, Timbalan Menteri Kewangan I kerana sudi hadir dan merasmikan majlis ini. Dan tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Urusetia Sambutan dan kepada

semua warga JANM dalam menjayakan  
majlis ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum                      Warahmatullahi

Wabarakatuh.